

**Abdul Latiff Belum Buat Keputusan Bertanding Majlis Tertinggi Umno
Bernama
20 Ogos, 2013**

KUALA LUMPUR, 20 Ogos (Bernama) -- Anggota Majlis Tertinggi Umno Datuk Dr Abdul Latiff Ahmad belum membuat keputusan sama ada akan mempertahankan jawatan yang disandangnya pada pemilihan parti Oktober ini.

Perkara itu, katanya, akan dimuktamadkan kemudian selepas mengambil kira semua aspek termasuk sokongan akar umbi dan pengalamannya di dalam parti dan kerajaan sebelum ini.

"Saya masih belum buat keputusan kerana saya perlu melihat adakah peranan saya sebagai setiausaha Kelab Penyokong Kerajaan Barisan Nasional (BNBBC), pengerusi SPNB dan pengalaman saya di dalam kerajaan sebelum ini relevan dan mampu mengukuhkan parti.

"Sudah lama saya memegang jawatan dalam Majlis Tertinggi (MT) dan saya kira tidak semua anggota MT baik yang ada jawatan atau tidak dalam kerajaan sudah membuat keputusan konkrit sama ada mahu mempertahankan atau tidak," katanya kepada pemberita di majlis rumah terbuka Aidilfitri Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) di sini.

Antara yang sudah mengesahkan mempertahankan jawatan MT ialah Datuk Seri Mustapa Mohamed, Datuk Seri Noh Omar, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, Datuk Seri Idris Jusoh, Datuk Tajuddin Abdul Rahman, Dr Mohd Puad Zarkashi dan Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim.

Pada pemilihan Umno dijadual pada 19 Okt, seramai 146,500 anggota parti di peringkat akar umbi dari 191 bahagian akan terlibat dalam pemilihan MT meliputi presiden, timbalan presiden, tiga naib presiden dan 25 anggota MT selain memilih anggota jawatankuasa bahagian.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=971401>